

## MEMO BENDAHARI BIL 07/2022.

No. Rujukan : UNISEL/PB/500/04/2022(07)  
Tarikh : 1 November 2022  
Kepada : Semua Staf Universiti Selangor  
Daripada : Bendahari  
Perkara : Penutupan Akaun Bagi Tahun 2022

Assalamualaikum wrt. wbt. & Salam Sejahtera,

Y.Bhg. Dato'/ Prof./Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

### 1.0 Tujuan

- 1.1 Memo ini bertujuan memaklumkan penutupan akaun bagi tahun 2022, Universiti Selangor (UNISEL).

### 2.0 Latar Belakang

- 2.1 Memo mengenai penutupan akaun ini dikeluarkan pada setiap tahun bagi memaklumkan tindakan yang perlu diambil oleh semua kakitangan Universiti berkaitan penetapan tarikh penghantaran dokumen-dokumen kewangan bagi proses penutupan akaun Universiti tahun 2022.
- 2.2 Bagi menambahbaik kualiti penyediaan akaun Universiti bagi tahun 2022, Dekan dan Ketua Jabatan serta semua staf yang terlibat hendaklah memberi kerjasama dengan mematuhi tarikh penghantaran dokumen yang telah ditetapkan.

### 3.0 Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian

- 3.1 Bagi semua **permohonan pembayaran, pendahuluan dan tuntutan (geran/program/aktiviti pelajar/panjar wang runcit/invois dan pelbagai)**, dokumen yang berkaitan hendaklah diserahkan **sebelum atau selewat-lewatnya pada 15 Disember 2022, jam 5.00 petang** bagi tujuan merekod perbelanjaan bagi tahun semasa. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pembayaran diproses bermula Januari 2023.
- 3.2 Semua **laporan pelarasan wang pendahuluan (pelbagai)** yang diterima bagi tahun semasa perlu diserahkan ke Pejabat Bendahari **sebelum atau selewat-lewatnya pada 15 Disember 2022 Tindakan pemotongan gaji bermula Januari 2023 akan dilaksanakan jika gagal terhadap pematuhan ini.**


- 3.3 Setiap **penerimaan barangan/kerja/perkhidmatan** melalui *purchase order* (PO) daripada pihak pembekal/kontraktor hendaklah diakui penerimaannya dan **direkodkan di Sistem SPK (Perolehan – Pendaftaran Penerimaan Barang)** sebelum atau selewat-lewatnya pada **30 Disember 2022**.

Segala pertanyaan berkenaan perkara ini boleh berhubung terus dengan Puan Zanariah binti Baba di talian 03-55223557.

Sekian, terima kasih.

**"Peneraju Transformasi"**

Yang menjalankan tugas,



**SITI AISYAH BINTI OMAR C.A(M)**

Bendahari

Universiti Selangor